

**PEMBANGUNAN MODEL INTERVENSI
KAWALAN KETAGIHAN PORNOGRAFI
BERASASKAN PENDEKATAN PSIKOSPIRITUAL
ISLAM: SATU ANALISIS KEPERLUAN**

**DEVELOPMENT OF PORNOGRAPHY ADDICTION
CONTROL INTERVENTION MODEL BASED ON ISLAMIC
PSYCHOSPIRITUAL APPROACH:
A NEEDS ANALYSIS**

Ayu Nadhirah Mohd Suhaime*, **Nurul Husna Mansor***,
Abd. Aziz Rekan**, **Khairul Hamimah Mohammad
Jodi*****, **Mohd Syukri Zainal Abidin******

*Department of Dakwah & Human Development.
Academy of Islamic Studies. Universiti Malaya. 50603.
Kuala Lumpur. Malaysia.

**Islamic Education Programme. Academy of Islamic
Studies. Universiti Malaya. 50603. Kuala Lumpur.
Malaysia.

***Faculty of Education. Open University Malaysia.
Kelana Jaya. 47301. Selangor. Malaysia.

****Department of Aqidah & Islamic Thought. Academy of
Islamic Studies. Universiti Malaya. 50603. Kuala Lumpur.
Malaysia.

Email: **abdazirkn@um.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/afkar.vol25no1.9>

Abstract

In today's age of globalisation, pornography addiction is on the rise in society. This phenomenon not only occurs among adults but is also contagious among teenagers due to rapid technological development. Various efforts have been made to curb this problem. However, by 2022, the problem of pornography addiction has not abated, as traffic statistics of visitors to pornography websites show increasing access by users. Pornography is forbidden and sinful in Islam because it exposes human private

parts to people who do not have the right to see them and, at the same time, encourages human desires towards acts that violate Islamic laws. Islam also sees pornography as a form of disease that harms the human soul and spirit, leading people to commit sexual crimes such as extramarital sex, cybersex, rape, obscenity, and child abandonment. Therefore, this article is presented as a preliminary survey to identify the need for the development of a pornography addiction control intervention model based on the Islamic psychospiritual approach. This article uses a qualitative approach by analyzing the documents of past studies related to Islamic psychospiritual treatment to deal with this addiction issue. The study's findings revealed the need for the development of a pornography addiction control intervention model based on the Islamic psychospiritual approach to dealing with the community's physical, mental, spiritual, and moral health problems.

Keywords: Pornography issues; pornography addiction; Islamic psychospiritual approach; model development.

Khulasah

Ketagihan pornografi dalam kalangan masyarakat pada era globalisasi kini kian membarrah. Fenomena ini bukan sahaja berlaku dalam kalangan orang dewasa, malah turut menular dalam kalangan remaja melalui kecanggihan teknologi yang pesat membangun dari semasa ke semasa. Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk membendung permasalahan ini. Walau bagaimanapun, sehingga tahun 2022, isu ketagihan pornografi masih belum reda kerana statistik trafik pelawat laman web pornografi menunjukkan peningkatan akses pengguna. Pornografi adalah haram dan berdosa di sisi Islam kerana mempertontonkan aurat manusia kepada orang yang tidak berhak melihatnya sekaligus mendorong nafsu manusia ke arah perbuatan yang

melanggar hukum-hukum Islam. Islam juga melihat pornografi sebagai satu bentuk penyakit yang boleh memudarangkan jiwa dan rohani manusia sehingga menjerumuskan manusia kepada jenayah seksual seperti seks luar nikah, seks siber, kes rogol, kes cabul dan pembuangan bayi. Justeru, makalah ini dibawakan sebagai satu tinjauan awal bagi mengenal pasti keperluan pembangunan model intervensi kawalan ketagihan pornografi berdasarkan pendekatan psikospiritual Islam. Ia menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis dokumen kajian-kajian lepas berkaitan rawatan psikospiritual Islam dalam usaha menangani isu ketagihan ini. Hasil kajian mendapati perlunya pembangunan model intervensi kawalan ketagihan pornografi berdasarkan pendekatan psikospiritual Islam dalam menangani permasalahan kesihatan fizikal, mental, rohani dan akhlak masyarakat.

Kata kunci: isu pornografi; ketagihan pornografi; pendekatan psikospiritual Islam; pembangunan model

Pendahuluan

Ketagihan pornografi merupakan permasalahan yang berbahaya dan berisiko terhadap individu mahupun masyarakat. Pembahagian pornografi terbahagi kepada dua elemen iaitu *soft-core porn* dan *hard-core porn*. *Soft-core porn* merupakan isi pornografi yang mengandungi adegan atau pun gambaran seksual yang bersifat tersembunyi yang akhirnya mendorong nafsu seksual manusia ke arah perlakuan seksual. Manakala, *hard-core porn* ialah pornografi yang memaparkan seks secara terbuka, tidak sopan dan bersifat agresif.¹ Elemen pornografi boleh didapati daripada pelbagai sumber antaranya melalui percakapan, perbuatan, penulisan dan

¹ Louisa Yesami Krisnalita & Sisi Rahayu, “Analisis Yuridis Mengenai Tindak Pidana Pornografi Secara Berlanjut,” *Justice Voice* 1(2) (2022), 72.

media cetak. Pada dasarnya, bahan-bahan pornografi boleh didapati melalui cakera padat (CD), televisyen, majalah, buku dan komik yang berunsur lucah. Sehingga kini, bahan-bahan pornografi kian melebarkan sayap dalam industri teknologi seperti di internet, video, audio, permainan video dan gajet. Walaupun isu ini kerap dibincangkan solusinya, ketagihan pornografi dilihat seperti tiada kesudahan rentetan daripada laporan kes jenayah seksual yang turut melibatkan pornografi.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah merekodkan sebanyak 7,042 kes jenayah seksual yang melibatkan lapan kategori sepanjang tahun 2018, 2019 dan 2020. Daripada 7,042 kes tersebut, didapati 3,338 kes merupakan mangsa rogol, 2,625 kes merupakan mangsa di bawah Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak, 708 kes merupakan mangsa sumbang mahram, 175 kes mangsa rogol berkumpulan, 120 kes mangsa seks luar tabii, 42 kes mangsa pornografi kanak-kanak, 26 kes mangsa pengantungan kanak-kanak dan 8 kes merupakan mangsa kes cabul kehormatan. Aktiviti pornografi didapati penyumbang kepada perlakuan seksual seperti onani, zina dan sumbang mahram, malah mampu membawa kepada kepada jenayah seksual yang agresif seperti rogol, cabul, pedofilia, parafilia dan pembuangan bayi.

Pertumbuhan teknologi moden yang berkembang pesat, maju dan canggih menjadikan maklumat yang dicerap, dihantar semakin pantas. Penambahbaikan reka bentuk gajet yang lebih menarik minat masyarakat khususnya remaja dan golongan muda dilihat semakin giat dilakukan. Ini ditambah lagi dengan pelan jalur lebar yang menarik, murah dan tanpa batasan yang ditawarkan, dipercayai mengikut arus kemodenan dan sesuai dengan gaya hidup sehari-hari. Situasi ini dibuktikan lagi apabila sebanyak 317 atau 86% daripada 369 remaja meluangkan

masa sehingga 20 jam seminggu di media sosial.² Kini, media sosial dipercayai menjadi platform sesetengah individu mencari kenalan dan kumpulan baharu yang sesuai dengan minat mereka untuk berkomunikasi, bertukar pendapat, berhibur dan berseronok,³ serta mencari pasangan hidup seperti laman Tinder.⁴

Keperluan manusia kepada teknologi, gajet dan internet dibuktikan melalui kajian penggunaan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia mendapati peratusan individu menggunakan telefon bimbit juga turut meningkat 98.7% pada tahun 2021 berbanding 98.2% pada tahun 2020. Aktiviti penggunaan internet yang paling popular pada tahun 2021 adalah jaringan komunikasi sosial iaitu sebanyak 99%, diikuti dengan aktiviti memuat turun gambar, video, filem, lagu dan permainan video sebanyak 91.8%.⁵ Peratusan tersebut menunjukkan bahawa majoriti rakyat Malaysia mempunyai telefon bimbit dan mampu terdedah kepada aktiviti-aktiviti negatif atau positif yang terdapat pada laman sosial kerana kemudahan akses internet. Secara tidak langsung, statistik tersebut membuktikan bahawa dunia siber kini telah

² Siti Ezaleila Mustafa & Azizah Hamzah, “Media Baharu yang Baharu: Trend Penggunaan Jaringan Sosial dalam Kalangan Pengguna di Malaysia,” *Jurnal Pengajian Media Malaysia* 13(2) (2011), 93-110.

³ Selfi Budi Helpiastuti, “Media Sosial dan Perempuan: Analisis Wacana Terhadap Facebook Sebagai Media Komunikasi Terkini Bagi Perempuan,” makalah dalam *Prosiding Seminar Nasional Gender dan Budaya Madura III* (UPT- Teknologi Informasi dan Komunikasi, 2017), 1.

⁴ Annisarizki, “Makna Tinder Sebagai Tempat Mendapatkan Teman Hidup,” *LONTAR: Jurnal Ilmu Komunikasi* 6(1) (2018), 1-18.

⁵ Mohd Uzir, Mahidin, “ICT Use and Access by Individuals and Households Survey Report, Malaysia, 2021,” Department of Statistics Malaysia, disunting 28 April 2022, diakses 9 Januari 2023, https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?t=column/cthemeByCat&c=at=395&bul_id=bCs4UINSQktybTR3THZ3a0RzV2RkUT09&menu_id=amVoWU54UTl0a21NWmdhMjFMMWcyZz09

menjadi sebahagian daripada kehidupan manusia moden yang membawa corak gaya kehidupan yang baharu.

Walau bagaimanapun, teknologi bukanlah sat-satunya platform yang menyumbang kepada penyebaran pornografi dengan luas, akan tetapi terdapat segelintir pihak yang menjadikan pornografi sebagai sumber pendapatan mereka, sekaligus menyebarkannya melalui pelbagai bentuk seperti buku, komik, cakera padat (CD) dan aplikasi-aplikasi moden. Pada tahun 2017, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Pahang telah membuat serbuan dan merampas DVD cetak rompak dan DVD lucah, peralatan mencetak DVD, pemain DVD, mesin pencetak, televisyen dan 133 kulit DVD yang dianggarkan bernilai RM12,500.⁶

Selain itu, akses terhadap laman sesawang pornografi dianggap sebagai suatu yang normal di media sosial sehingga iklan dan aktiviti seksual dipromosi secara terbuka tanpa disedari. Sebagai contoh, terdapat segelintir artis atau individu tempatan mahupun luar negara berkongsi fesyen dan aksi yang menghairahkan dan mempamerkan sebahagian tubuh badan mereka dengan sengaja. Terdapat juga promosi produk-produk tertentu yang bermotifkan seksual selain terdapat iklan dalam bentuk aksi erotik bagi menarik pembeli tanpa menyedari tindakan tersebut bercanggah dengan moral, kepercayaan dan agama masyarakat. Iklan dan promosi tersebut dimuat naik tanpa rasa bersalah dan berdosa sedangkan, pengiklanan dengan cara tersebut mampu meningkatkan nafsu dalam diri orang yang melihatnya.

Perbuatan mempromosi pornografi adalah suatu perlakuan yang haram dan berdosa di sisi Allah SWT kerana mendorong ke kancah kemaksiatan secara terbuka

⁶ Nurul Nadira Shaari, “Polis Lumpuhkan Sindiket DVD Lucah, Cetak Rompak,” *Berita Harian Online*, 17 Mac 2017, <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/11/2017/03/261169/pol-is-lumpuhkan-sindiket-dvd-lucah-cetak-rompak>

mahupun tertutup. Allah SWT telah melarang manusia daripada menghampiri perkara yang boleh menjerumuskan seseorang kepada perzinaan, pencabulan dan pelacuran melalui firmanNya dalam surah al-Furqan 25: 68-69:

وَالَّذِينَ لَا يَدْعُونَ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ وَلَا يَقْتُلُونَ
الْتَّفْسَرَ الَّتِي حَرَمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَلَا يَزِنُونَ وَمَنْ
يَفْعُلْ ذُلِكَ يَلْقَ أَثَاماً (68) يُضَاعِفُ لَهُ الْعَذَابُ يَوْمَ
الْقِيَامَةِ وَيَخْلُدُ فِيهِ مُهَانًا (69)

Terjemahan: Dan orang-orang yang tidak menyembah tuhan yang lain beserta Allah dan tidak membunuh jiwa yang diharamkan Allah (membunuhnya) kecuali dengan (alasan) yang benar, dan tidak berzina, barang siapa yang melakukan yang demikian itu, niscaya dia mendapat (pembalasan) dosa. (Yakni) akan dilipat gandakan azab untuknya pada hari kiamat dan dia akan kekal dalam azab itu, dalam keadaan terhina.

Salah satu pendekatan alternatif yang berpotensi membanteras isu ketagihan pornografi dalam kalangan masyarakat adalah melalui rawatan psikospiritual Islam. Psikospiritual Islam merupakan satu rawatan inisiatif yang mampu merawat penyakit spiritual, moral, mental mahupun penyakit fizikal melalui al-Qur'an, Hadith Nabi Muhammad SAW, pengalaman orang-orang soleh dan ilmu pengetahuan agama.⁷ Justeru, intipati artikel ini penting sebagai satu tinjauan awal terhadap keperluan

⁷ Nor Azah Abdul Aziz, "Internet, Laman Web Pornografi dan Kaedah Psikospiritual Islam dalam Menangani Keruntuhan Akhlak Remaja Pelajar Laman Web Pornografi," *Jurnal Usuluddin* 29 (2009), 147-169.

pembangunan model intervensi kawalan ketagihan pornografi berasaskan pendekatan psikospiritual Islam bagi menangani permasalahan ketagihan pornografi yang kian berleluasa. Tinjauan awal ini dilakukan untuk menonjolkan kepentingan psikospiritual Islam sebagai satu rawatan alternatif yang berperanan membantu masyarakat meningkatkan tahap kerohanian mereka sekaligus membimbang diri untuk keluar dari ancaman pornografi.

Ketagihan Pornografi

Pornografi merupakan perkataan yang berasal dari bahasa Yunani iaitu *pornographia*⁸. *Pronographia* atau *pornographos* terdiri daripada dua perkataan; *porne* yang bermaksud *prostitute* atau pelacuran dan *graphein* bermaksud gambar atau tulisan⁹. Berdasarkan seksyen 4 Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017, pornografi kanak-kanak didefinisikan sebagai “apa-apa gambaran sama ada dalam bentuk visual, audio dan penulisan serta gabungan bentuk visual, audio atau penulisan melalui apa-apa medium termasuk elektronik, mekanikal, digital, optik, magnetik atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan kanak-kanak, seseorang yang kelihatan seperti kanak-kanak, gambar realistik atau grafik atau gambar realistik atau grafik yang kelihatan seperti kanak-kanak yang melakukan suatu perlakuan seksual secara terang-terangan”.¹⁰ Ringkasnya, pornografi merupakan suatu bahan yang berunsur lucah dalam bentuk grafik bergerak atau pun tidak bergerak seperti audio, video, visual dan juga teks.

⁸ Azimah Soebagijo, *Pornografi Dilarang Tapi Dicari*, ed. Harlis Kurniawan (Jakarta: Gema Insani, 2008), 25.

⁹ Galih Haidar dan Nurliana Cipta Apsari, “Pornografi Pada Kalangan Remaja,” makalah dalam *Prosiding Penelitian & Pengabdian Kepada Masyarakat* 7 (1) (2020), 137.

¹⁰ Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Undang-Undang Malaysia), 2017, (Akta 792).

Kini, perkembangan teknologi moden telah membawa satu tapak baru bagi dunia pornografi menempah kedudukan tersendiri. Kebanyakan pengkaji bersetuju bahawa perkembangan teknologi moden merupakan faktor utama yang menyumbang kepada ketagihan pornografi dalam kalangan masyarakat.¹¹ Dalam satu kajian, sebanyak 91.71% daripada 80 orang responden berusia 12-20 tahun telah melihat paparan kandungan pornografi secara tidak sengaja ketika sedang melayari internet dan 50% daripadanya didapati melayari kandungan pornografi di internet dengan sengaja.¹² Kajian pada tahun 2018 turut mendedahkan keputusan yang hampir sama di mana 94.5% daripada 1340 pelajar sekolah menengah pernah melihat bahan pornografi dalam bentuk gambar, patung, filem atau video walaupun hanya sekali ataupun melihat paparan pornografi di internet yang muncul secara tidak sengaja.

Tambahan lagi, bahan pornografi yang paling banyak dilihat kali pertama adalah video dengan peratusan sebanyak 26.5%, kemudian media yang paling kerap digunakan untuk melayari kandungan pornografi adalah media sosial sebanyak 34%, diikuti dengan internet 31.4%

¹¹ Amirul Ashraaf Norman & Nooraini Othman, “Ketagihan Pornografi dalam Kalangan Remaja: Faktor dan Implikasi Terhadap Sahsiah Diri Remaja,” *Jurnal Melayu* 19(2) (2020), 205-215; Galih & Nurliana, “Pornografi pada Kalangan Remaja,” 136-143; Thanuseeyah Varatharajoo & Hilwa Abdullah @ Mohd Nor, “Hubungan antara Ketagihan Pornografi dan Jenis Trait Personaliti dalam Kalangan Remaja,” *Jurnal Wacana Sarjana* 4(2) (2020), 1-9; Shefa Dwijayanti Ramadani & Ina Daril Hanna, “Internet dan Perilaku Seksual Remaja Pesisir Madura: Studi *Cross Sectional* di Desa Branta,” *Dinamika Sosial Budaya* 21(2) (2019), 91-97; Nur Qamarina & Hilwa Abdullah @ Mohd Nor, “Ketagihan Telefon Pintar dan Ketagihan Pornografi Terhadap Kesihatan Mental dalam Kalangan Mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi Awam di Malaysia,” *Jurnal Wacana Sarjana* 5(1) (2021), 1-9.

¹² Shefa Dwijayanti & Ina Daril, “Internet dan Perilaku Seksual Remaja,” 91-97.

dan media elektronik 16.8%¹³. Kajian oleh penyelidik lepas membuktikan bahawa perkembangan teknologi moden seperti gajet yang canggih, internet serta aplikasi-aplikasi laman sosial moden seperti Twitter,¹⁴ dan Telegram,¹⁵ telah banyak disalahgunakan sebagai platform penyimpanan dan penyebaran bahan pornografi. Kajian dari sudut usia kanak-kanak yang terlibat dengan pornografi didapati bahawa umur di bawah 12 tahun pernah terlibat iaitu 18.3% responden daripada 1340 pelajar sekolah menengah, manakala 68.4% pelajar menonton bahan pornografi ketika berusia 12 hingga 15 tahun.¹⁶ Satu kajian di Amerika Syarikat mendapati usia awal dalam penglibatan pornografi adalah seawal usia 13 hingga 17 tahun yang mana sebanyak 94% lelaki dan 87% wanita terlibat dengan aktiviti pornografi seawal usia tersebut.¹⁷

Ketagihan pornografi merupakan satu perbuatan dan perlakuan menonton bahan pornografi secara kerap sehingga menjadi tabiat yang sukar ditinggalkan secara drastik.¹⁸ Ini dijelaskan dalam satu kajian yang telah dijalankan pada tahun 2020 ke atas lima orang pelajar

¹³ Iram Barida Maisya & Siti Masitoh, “Derajat Keterpaparan Konten Pornografi pada Siswa SMP dan SMA di DKI Jakarta dan Banten Indonesia,” *Jurnal Kesehatan Reproduksi* 10(2) (2019), 117-126. <https://doi.org/10.22x435/kespro.v10i2.2463>

¹⁴ Christiany Juditha, “Isu Pornografi dan Penyebarannya di Twitter: Kasus Video Asusila Mirip Artis,” *Jurnal Penelitian Komunikasi dan Opini Publik* 25(1) (2021), 15-30.

¹⁵ Dedi Andriansyah et al., “Penyebaran Pornografi pada Pengguna Telegram di Kota Medan,” *Buddayah: Jurnal Pendidikan Antropologi* 3(2) (2021), 73-80.

¹⁶ Iram & Siti Masitoh, “Derajat Keterpaparan Konten Pornografi, 117-126.

¹⁷ Herbenick et al., “Diverse Sexual Behaviors and Pornography Use: Findings from a Nationally Representative Probability Survey of Americans Aged 18 to 60 Years,” *The Journal of Sexual Medicine* 17 (2020), 627.

¹⁸ Amirul & Nooraini, “Ketagihan Pornografi dalam Kalangan Remaja,” 207.

universiti yang berusia 18 hingga 21 tahun dan mempunyai pengalaman menonton video pornografi secara kerap. Kajian mendapati bahawa pelajar tersebut menyedari kesalahan dan kesan negatif menonton pornografi, namun sukar untuk meninggalkan tabiat buruk tersebut kerana telah menjadi kebiasaan serta tidak mampu mengawal nafsu.¹⁹

Limitasi pornografi bukan sahaja pada bahan-bahan yang berunsur lucah bagi memuaskan nafsu manusia semata-mata, bahkan lebih parah lagi apabila dijadikan sebagai punca pendapatan seseorang individu mahupun sesebuah organisasi. Golongan ini digelar sebagai *porntropreneurship* oleh seorang pengkaji di Amerika Syarikat. Hasil kajian beliau menyatakan bahawa golongan *porntropreneurship* menghasilkan pendapatan melalui jualan klip lucah, penggambaran bogel, aktiviti pelacuran, *sexting*, *phone sex*, *webcamming*, *go-go dancing* dan juga menjadikan sosial media sebagai platform pendapatan seperti OnlyFans, Premium Snapchat dan Dating Apps yang memerlukan pengguna membayar untuk melanggan perkhidmatan tertentu. Bahkan, mereka mampu memperoleh pendapatan sebanyak lima angka sebulan bagi penghasilan jualan klip lucah mahupun melalui platform yang disediakan.²⁰

Selain itu, kajian di China pula mendedahkan penggunaan Twitter sebagai platform untuk menghasilkan dan mengedar bahan pornografi bagi meraih pendapatan

¹⁹ Norulhuda Sarnon @ Kusenin et al., ""Tahu Salah Tapi Mahu": Cabaran Remaja Perempuan Berhenti Menonton Pornografi," *Jurnal Psikologi Malaysia* 34(2) (2020), 227-239.

²⁰ Sophie Pezzutto, "From Porn Performer to Porntropreneur: Online Entrepreneurship, Social Media Branding, and Selfhood in Contemporary Trans Pornography," *International Journal of Gender Studies* 8(16) (2019), 42.

dan pelaku dikenali sebagai *sex influencer*.²¹ *Pornpreneurship* atau *sex influencers* berpendapat bahawa bilangan *followers* pada akaun media sosial yang berunsur lucah merupakan indikator kepada keinginan seksual individu. Tambahan, kesediaan pengikut untuk membeli jualan klip seks dan juga melanggar perkhidmatan seks secara atas talian menguatkan lagi keinginan golongan *pornpreneurship* untuk terus menghasilkan pendapatan melalui cara ini.²²

Individu yang ketagih melayari dan menonton laman sesawang pornografi merasakan tindakan mereka sebagai satu perbuatan yang normal sehingga hilang rasa malu dan menganggapnya bukanlah suatu kesalahan yang besar di mata mereka.²³ Tanpa disedari, ketagihan pornografi mengakibatkan otak bahagian hadapan yang dikenali *Pre-Frontal Cortex* (PFC) mengalami kerosakan dalam jangka masa panjang serta menjelaskan ingatan individu yang terlibat.²⁴ Pornografi turut mendorong keinginan individu untuk mencuba dan meniru aksi dan adegan yang ditonton.²⁵ Hal ini kerana setiap otak manusia mempunyai fungsi *mirror neuron* (cermin otak) yang mampu untuk merasakan, mengalami dan meniru apa yang dilihat manusia.²⁶ Seterusnya, ia mampu mengakibatkan seseorang terjerumus ke kancang maksiat iaitu hubungan

²¹ Wang S. & Ding R., “Business Inquiries are Welcome: Sex Influencers and the Platformization of Non-normative Media on Twitter,” *Television & New Media* 23(8) (2022), 823.

²² *Ibid.*, 826.

²³ Norulhuda et al., “Tahu Salah Tapi Mahu,” 227-239.

²⁴ Fatin Hafizah Mohd Shahar, “Ketagihan Pornografi Rosakkan Otak,” *Berita Harian Ahad*, 1 April 2018.

²⁵ Galih & Nurliana Cipta Apsari, “Pornografi Pada Kalangan Remaja,” 136-143; Shofiyah, “Dampak Media Sosial dan Pornografi Terhadap Perilaku Seks Bebas Anak di Bawah Umur,” *Alamtara: Jurnal Komunikasi dan Penyiaran Islam* 4(1) (2020), 57-68.

²⁶ Shofiyah, “Dampak Media Sosial Dan Pornografi,” 57-68; Harmi Tursih et al., “Mirror Neuron dalam Pendidikan Islam,” *Belajea: Jurnal Pendidikan Islam* 3(2) (2018), 142-143.

seks luar nikah.²⁷ Sebagai contoh, satu kajian mendapati sebanyak 34.2% daripada 281 pelajar sekolah menengah di Kota Pontianak, Indonesia mengaku pernah melakukan seks luar nikah kerana terpengaruh dan keinginan sendiri untuk melakukan aksi tersebut bersama rakan dan pasangan mereka.²⁸ Pada tahun 2019 sehingga 2021, didapati sebanyak 80% kes rogol mempunyai elemen suka sama suka dengan pasangan, dan mangsa bersetuju melakukan seks atas dasar cinta.²⁹

Implikasi ketagihan pornografi sememangnya tidak mampu dilihat dalam jangka masa yang singkat, akan tetapi ia mampu meragut ketenteraman hidup seseorang tanpa disedari. Ketagihan pornografi secara perlahan-lahan mampu menghakis keperibadian seseorang sehingga mereka tidak mampu mengawal diri dan menonjolkan tindakan impulsif, sukar untuk membezakan yang benar dan salah, perubahan sikap yang mendadak, sukar berfikir dengan rasional serta sukar menahan diri.³⁰ Agama Islam melarang keras sebarang perbuatan yang berkaitan dengan pornografi kerana berdosa besar dan berupaya menjadi salah satu cabang perbuatan zina dan maksiat. Justeru itu, Islam menyediakan manusia terapi jiwa dan rohani manusia sebagai benteng pertahanan diri daripada perlakuan-perlakuan buruk termasuk aktiviti pornografi.

Psikospiritual Islam

Psikospiritual berasal daripada perkataan psikologi dan spiritual. Psikologi bermaksud satu disiplin ilmu yang melibatkan kajian secara saintifik terhadap proses mental

²⁷ Amirul & Nooraini, “Ketagihan Pornografi Dalam Kalangan Remaja,” 205-215; Shofiyah, “Dampak Media Sosial dan Pornografi,” 57-68; Hendri Fitrian, Linda Suwarni & Andri Dwi Hernawan, “Determinan Perilaku Seks Pranikah Remaja Dikota Pontianak Tahun 2019,” *Jurnal Vokasi Kesehatan* (2019), 107-114.

²⁸ Hendri et al., “Determinan Perilaku Seks Pranikah Remaja,” 107.

²⁹ Muhammad Afham Ramli, “Suka Sama Suka Punca Jadi Mangsa Rogol,” *Sinar Harian*, 23 Mac 2021.

³⁰ Shofiyah, “Dampak Media Sosial dan Pornografi,” 57-68.

dan kelakuan manusia.³¹ Spiritual pula berasal daripada perkataan Latin iaitu ‘*spiritus*’ yang bermaksud nafas keberanian, semangat dan kehidupan.³² Menurut konteks Islam, spiritual dan kerohanian mempunyai hubungan langsung dengan Allah SWT dan merupakan antara kekuasaan-Nya sepetimana bulan, bintang, laut dan tumbuhan.³³ Pembangunan rohani manusia adalah gabungan daripada empat dimensi iaitu *qalb*, *ruh*, *nafs* dan ‘*aql* yang merupakan komponen dalaman diri individu yang mampu mempengaruhi keperibadian seseorang.³⁴

Psikospiritual Islam boleh ditakrifkan sebagai satu unsur kejiwaan dan proses pemikiran dan mental yang menekankan unsur-unsur kerohanian dan akhirat menurut perspektif agama Islam.³⁵ Ia juga boleh difahami sebagai satu ilmu berkenaan kaedah perawatan kecelaruan jiwa, masalah mental, kerohanian, emosi dan akhlak manusia bersumberkan ilmu agama Islam berteraskan al-Qur'an, al-Sunnah, amalan orang-orang soleh dan ilmu pengetahuan yang bertepatan dengan syariat Islam.³⁶

³¹ Che Zarrina, Sa'ari, “Psikospiritual Islam: Konsep dan Aplikasi,” *Journal of Syarie Counseling* 1(1) (2019), 43-51.

³² Nor Ezdianie, O. & Mohd Tajudin, N., “Teori Kaunseling Psiko-Spiritual Al-Ghazali: Suatu Pendekatan Alternatif dalam Intervensi Kaunseling,” *Global Journal Al-Thaqafah* 9(3) (2019), 71.

³³ Azlisham Abdul Aziz et al., “Analysis of Literature Review on Spiritual Concepts According to the Perspectives of the al-Quran, Hadith and Islamic Scholars,” *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education* 12 (9) (2021), 3153.

³⁴ Ishak Khairon et al., “Thrust of Faith and Manifestations to Faith According to the Quran and Hadith: A Study of Context Analysis,” *Palarch's Journal of Archaeology of Egypt / Egyptology* 18(4) (2021), 295-314.

³⁵ Nor Azah, “Internet, Laman Web Pornografi,” 155; Nur Shahidah Paad, Sharifah Basirah Syed Muhsin & Mohd Syukri Zainal Abiddin, “Implementasi Psikospiritual Islam dalam Pembentukan Model Motivasi Pembangunan Diri Remaja,” *AFKAR: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 23(3) (2021), 410.

³⁶ Nur Shahidah et al., “Implementasi Psikospiritual Islam,” 410; Siti Nur Aafifah Hashim & Wan Norhaniza Wan Hasan, “Aplikasi

Gabungan ilmu psikologi dan spiritual berpotensi mengukuhkan hubungan antara praktikal dan teori dalam konteks ibadah kepada Allah SWT.³⁷

Menurut Abdul Ghaffar Surip, istilah psikospiritual Islam digunakan bagi memodenkan bidang ilmu tasawuf mengikut perkembangan semasa kini.³⁸ Tasawuf adalah satu bidang ilmu yang membincangkan aspek-aspek berkenaan *qalb*, *ruh*, *nafs*, *aql*, penyucian dan latihan jiwa, perkembangan rohani atau spiritual, akhlak, *maqamat* dan *ahwal*, konsep dan praktikal tasawuf seperti zikir dan wirid serta peraturan dan adab yang berkaitan dengan ilmu psikologi spiritual.³⁹

Ilmu tasawuf memiliki lima prinsip utama, iaitu *taqarrub* (pendekatan diri kepada Allah), *tazkiyah al-nafs* (penyucian diri), *takhalluq* (peningkatan akhlak yang baik dalam kehidupan), serta pengetahuan sejati yang menghasilkan keyakinan yang utuh kepada Allah SWT serta kebahagiaan hakiki.⁴⁰ Seterusnya, pemaknaan

Kaedah Pengurusan Kesihatan Mental Psikospiritual Islam untuk Sokongan Talian Berpusat Masjid,” *Jurnal Sains Sosial* 7(1) (2022), 34; Norhashimah Yahya et al., “Elemen Kesufian menurut al-Muhasibi dan Hubungannya dengan Psikospiritual dalam Menangani Tekanan Akibat Pandemik Covid-19,” *Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE)* 1(3) (2021), 188.

³⁷ Norhashimah et al., “Elemen Kesufian Menurut Al-Muhasibi,” 188.

³⁸ Siti Nur Aafifah & Wan Norhaniza, “Aplikasi Kaedah Pengurusan Kesihatan Mental,” 34.

³⁹ Che Zarrina Sa’ari & Joni Tamkin Borhan, “Relationship between Sufism and Islamic Psychospiritual,” dalam *Horizons of Spiritual Psychology*, eds. Akbar Husain et al. (New Delhi: Global Vision Publishing House, 2008).

⁴⁰ Perbincangan mendalam boleh dilihat pada perbahasan 10 prinsip tasawuf. Husein Nasir bin Muhammad, *al-Qatr al-Ghaithiyah* (Patani: Matba’ah bin Halabi), 3-5; Ahmad Zarruq, *Qawa'id al-Tasawwuf* (Kaherah: Matba’ah Misr, 1318), 1-6; Khalifah, Mustafa ibn ‘Abd Allah, *Kashf al-Zunun ‘an Asami al-Kutub wa al-Funun* 1 (t.pt: Matba’ah al-Ma’arif al-Turkiyyah, 1360), 143. Lihat juga Imam Kanafi, *Ilmu Tasawuf: Penguatan Mental-Spiritual dan*

tasawuf telah dibentangkan oleh para sufi dengan tiga perkara utama. Pertama, berpandukan syariat Islam sebagai undang-undang, kedua adalah jalan tarekat sufi sebagai kaedah peneguhan rohani dan ketiga, bermatlamatkan kebenaran yang hakiki. Perbincangan mengenai ilmu kejiwaan dan kerohanian telah lama wujud sejak zaman Rasulullah SAW dan dikenali sebagai ‘ilm al-nafs fi al-Islam atau psikologi Islam.⁴¹

Secara umumnya, terapi psikospiritual Islam telah banyak digunakan dalam kajian-kajian lepas sebagai salah satu rawatan alternatif bagi penyakit-penyakit fizikal, mental mahupun rohani. Berdasarkan penelitian, terdapat 39 artikel dikenal pasti telah membincangkan isu yang berhubung dengan terapi psikospiritual Islam dalam tempoh lima tahun terkini iaitu dari tahun 2018 sehingga 2022. Para penulis telah membuat analisis tematik bagi kajian-kajian psikospiritual Islam tersebut dan mengkategorikannya kepada tiga tema utama iaitu penyakit fizikal, penyakit mental dan penyakit rohani seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Senarai artikel berdasarkan tema

Tema Kajian	Bilangan Artikel	Penulis dan tahun terbitan
Psikospiritual dan Penyakit Fizikal	5	Norhafizah Musa & Che Zarrina Sa'ari (2019); Norhafizah Musa, et al., (2018); Saniotis (2018); Eilami, Moslemirad, Naimi, Babuei, & Rezaei (2019); Norhafizah Musa, Che Zarrina Sa'ari, & Mohd Khairul Naim

Akhlaq, ed. Mohd Nasrudin (PT. Nasya Expanding Management, 2020).


⁴¹ Lihat perbincangan dalam Abu Talib al-Makki, *Qut al-Qulub fi Mu'amalat al-Mahbub wa Wasf Tariq al-Murid ila Maqam al-Tawhid* 2 (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997); Muhammad Mahmud Mahmud, ‘Ilm al-Nafs al-Ma’asir fi Daw'i al-Islam (Jeddah: Dar al-Shuruq, 1984). Rujuk juga Che Zarrina, “Psikospiritual Islam: Konsep dan Aplikasi,” 45.

		Che Nordin (2019).
Psikospiritual dan Penyakit Mental	12	Irfan Ahmad Wani & Bhupinder Singh (2019); Mohammad Heidari, Mansureh Ghodusi Borujeni & Hossein Rafiee (2019); Sakinah Salleh, et al. (2022); Nur Yani Binti Che Hussin (2020); Norhashimah Yahya, et al. (2021); Siti Nur Aafifah Hashim & Wan Norhaniza Wan Hasan (2022); Syamim Zakwan Rosman, Siti Rashidah Abd Razak, Siti Zaleha Ibrahim, & Noraini Mohamad (2022); Ridwan Haris (2022); Ummul Maisarah, Najihah, Anas, Zurita & Mohd Rahim Ariffin (2022); Hanna Oktasya Ross, Aulia Syifa Arrohmah, Megawatul Hasanah, Naufal Yusran & Nurastuti Wijareni (2021); Abdul Rashid, Amin Al Haadi Shafie, Zuraina Ali & Noor Dahiah Sulhana (2020); Khoirul Anam & Aunur Rofiq (2021)
Psikospiritual dan Penyakit Rohani	22	Sharifah Basirah, Che Zarrina Sa'ari, Hasimah Chik & Sheriza Izwa Zainuddin (2022); Zuraidah Abdullah, Che Zarrina Sa'ari & Chang (2018); Maisarah Saidin, Abdollah Salaeh & Adnan Mohamed Yusoff (2022); Nursyahidah Ibrahim, Syed Mohammad Hilmie Syed Abdul Rahman & Muhammad Hazim Mohd Azhar (2021); Amin M. Z. M. & Mohd Saiful Amri Zainal Abidin (2020); Rosni Wazir, et al. (2020); Mohd Hefzan Azmi & Muhammad Nubli Abdul Wahab (2019); Suriani Sudi, et al. (2022); Mapatan Sudin, Md Noor Saper & Nor Sayyidatina Che Rozubi (2022); Rosni

		<p>Wazir, et al. (2020); M. Saiful Amri Zainal Abidin, M. Zohdi M. Amin, Abdulloh Salaeh, W. Fatimah Zahra' W. Yusoff & Salmah Fa'atin (2022); Maisarah Mahmud & Nur Zainatul Nadra Zainol (2022); Mohammad Adam Danial Hafiz Goh, Mohd Roslan Rosnon & Asnarulkhadi Abu Samah, (2021); Rosni Wazir et al., (2019); Rosni Wazir, et al. (2020); Mazlan Ibrahim, Abur Hamdi Usman & Muhammad Fakhru Razi Shahabudin (2022); M. Fahli Zatrahadi, Neviyarni Suhaili, Ifdil , Marjohan & Afdal (2022); Nurul Husna Mansor, Raihanah Abdullah, Azmawaty Mohamad Nor & Khairul Hamimah Mohammad Jodi (2022); Siti Zafrina Mohd Zahari, Muhammad Muzakir Othman @ Seman Siti Norma Aisyah Malkan @ Molkan & Nurul Hidayah Che Hassan (2020); Nur Shahidah, Sharifah Basirah & Mohd Syukri (2021); Mohd Syukri Zainal Abidin, et al. (2022); Rahim Kamarul Zaman, Khairulnazrin Nasir, Mujiburrahman Muhammad Saleh & Nurshahidah Ab Hamid (2022)</p>
--	--	---

Berdasarkan 39 artikel yang dianalisis secara tematik, pengkaji telah menganalisis pola kajian terapi psikospiritual Islam berdasarkan tahun kajian yang dijalankan. Tinjauan kajian mendapati bahawa trend kajian berkait dengan terapi psikospiritual Islam semakin popular dan mendapat perhatian pengkaji masa kini dalam menguruskan penyakit fizikal, mental mahupun rohani. Ini sejajar dengan peningkatan penerbitan artikel berkenaan

rawatan alternatif melalui kaedah psikospiritual Islam, di mana 16 artikel telah dicatatkan pada tahun 2022 sebagai penerbitan tertinggi dari tahun 2018 sehingga 2022 (rujuk Rajah 1).



Rajah 1: Trend Terapi Psikospiritual Islam

Meskipun topik psikospiritual Islam semakin mendapat tempat dalam kalangan penyelidik kini, fokus kajian-kajian lepas dalam konteks psikospiritual Islam kebanyakannya menumpukan kepada rawatan ketagihan dadah,⁴² kesihatan mental,⁴³ kemurungan,⁴⁴ penyakit kronik,⁴⁵ bunuh diri⁴⁶ dan transgenderisme⁴⁷. Isu-isu

⁴² M. Saiful et al., “The Practice of Islamic Psychospiritual Therapy in the Treatment of Drug Addiction,” *AFKAR: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 24(2) (2022), 143-168.

⁴³ Syamim Zakwan Rosman et al., “Terapi Taubat dalam Menangani Kesan Kesihatan Mental Covid-19,” *Jurnal Sultan Alauuddin Sulaiman Shah* 9(1) (2022), 76-85.

⁴⁴ Sharifah Basirah Syed Mohsin et al., “Muhasabah al-Nafs (Self Reflection) dalam Menangani Keresahan Spiritual (Spiritual Distress),” *Jurnal Usuluddin* 50(1) (2022), 43-72.

⁴⁵ Norhafizah Musa & Che Zarrina Sa’ari, “Pendekatan Psikoterapi Islam dalam Menguruskan Tekanan Pesakit Kronik,” *Jurnal Usuluddin* 47(1) (2019), 1-34.

berkaitan pornografi atau permasalahan yang berorientasikan seksual masih kurang dalam konteks psikospiritual Islam sebagai rawatan intervensi.

Manakala, dalam konteks ketagihan pornografi, kajian sedia ada lebih tertumpu kepada aspek psikospiritual seperti pembangunan modul bimbingan kaunseling⁴⁸ serta bimbingan kaunseling Islam berasaskan kaedah zikir harian Imam Ghazali sebagai usaha membimbing individu terlibat agar kembali membersihkan diri daripada ketagihan pornografi. Selain itu, kajian lepas juga hanya mencadangkan terapi psikospiritual Islam bagi isu ketagihan pornografi sebagai kaedah pemulihan. Walaupun rawatan psikospiritual Islam telah diakui keberkesanannya, ia masih belum dibincangkan secara khusus bagi tujuan pembangunan model intervensi kawalan ketagihan pornografi berasaskan pendekatan Psikospiritual Islam.

Justeru, kajian-kajian sedia ada menunjukkan bahawa pendekatan terapi psikospiritual Islam mempunyai kekuatan dan keberkesanannya yang tersendiri dalam merawat pelbagai penyakit masyarakat yang berbentuk rohani mahupun jasmani.

⁴⁶ Ummul Maisarah Mohd Ariffin et al., “Perspektif Islam Terhadap Rehabilitasi Bunuh Diri,” *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)* 2(2) (2022), 1-12.

⁴⁷ Zuraidah, Che Zarrina & Chang, “Transgenderisme di Malaysia: Pelan Bimbingan Kembali Kepada Fitrah,” *AFKAR: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 20(2) (2018), 279-322.

⁴⁸ Winata, K. A., Fauzi, T., dan Surtiyoni, E., “Model Bimbingan Konseling Berbasis E-Modul: Upaya Preventif Terhadap Perilaku Pornografi Siswa MTs Negeri 1 Muratara,” *Jurnal Bimbingan dan Konseling* 8(1) (2022), 16-25.

Keperluan Pembangunan Model Intervensi Kawalan Ketagihan Pornografi Berasaskan Pendekatan Psikospiritual Islam di Malaysia

Model merupakan sebuah acuan, prototaip atau idea yang digambarkan dalam bentuk visual, grafik maupun rajah bagi memudahkan pembaca memahami sesuatu proses kerja yang ingin disampaikan.⁴⁹ Di samping itu, idea-idea tersebut juga turut mengungkapkan prosedur atau langkah-langkah dalam mencapai suatu tujuan khusus, kemudian digunakan untuk mengukur sesuatu kejayaan maupun kegagalan. Intervensi pula berasal daripada perkataan bahasa Inggeris iaitu *intervention* yang bermaksud suatu kaedah untuk mengubah fikiran, emosi dan juga tingkah laku manusia.⁵⁰ Selain itu, pengertian yang lebih luas bagi intervensi adalah campur tangan satu pihak pada pihak yang lain dengan pelbagai cara. Intervensi sering digunakan dalam pelbagai bidang antaranya adalah intervensi politik, sosial, kesihatan dan juga intervensi dalam pengurusan terapi psikologi.⁵¹

Pembangunan model intervensi dapat dibangunkan menggunakan pendekatan Reka Bentuk dan Pembangunan Penyelidikan (*Design and Developmet Research*, DDR). Menurut Richey et al., tujuan pembangunan model perlu melibatkan tiga fasa utama iaitu fasa analisis keperluan model, fasa reka bentuk dan pembangunan model serta akhir sekali adalah fasa penilaian pembangunan model.⁵²

⁴⁹ Robert E. Stake, *Standards-Based and Responsive Evaluation* (United States of America: Sage Publications, 2004), 29.

⁵⁰ Siti Khadijah Kaimin, D.A.Y & D.M.Y, “Konsep Intervensi dalam Pendidikan Islam,” dalam *Integrasi Konsep dalam Pendidikan Islam* (t.p: Santai Ilmu Publication, t.t), 33-63.

⁵¹ Andartu Satnyoto, “Justifikasi Intervensi Internasional dalam Konflik Suatu Negara,” *Jurnal Asia Pacific Studies* 1(2) (2017), 211-212.

⁵² Richey, R. C., Klien J. D dan Nielson, W, “Development Research: Studies of Instructional Design and Development,” dalam *Handbook of Research for Educational Communications and Technology*, ed. Jonassen (New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates Publishers, 2004), 1099-1130.

Fasa pertama merupakan fasa analisis keperluan untuk mengenal pasti masalah yang wujud dalam kalangan populasi serta menilai keperluan sesuatu perkara yang ingin dikaji.⁵³

Dalam konteks pembangunan model intervensi kawalan ketagihan pornografi berdasarkan pendekatan psikospiritual Islam, pengumpulan data fasa pertama dilaksanakan dengan dua kaedah iaitu yang pertama melalui tinjauan literatur sumber primer berkaitan psikospiritual Islam. Manakala kaedah kedua pula adalah dengan melaksanakan kaedah temu bual kumpulan berfokus (*focus group discussion*) separa berstruktur yang melibatkan agensi-agensi yang berpotensi seperti Malaysian Against Pornography (MAP), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysian (JAKIM), Persatuan Psikospiritual Islam (IPSA), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan juga Kaunselor Syarie Malaysia. Pelaksanaan temu bual adalah kaedah yang berpotensi mendapatkan gambaran semasa dan pemahaman yang mendalam berkaitan isu dan permasalahan ketagihan pornografi daripada pihak berkepentingan negara serta analisis awal bagi keperluan pendekatan psikospiritual Islam sebagai intervensi kawalan ketagihan pornografi di Malaysia.

Seterusnya, fasa kedua adalah fasa reka bentuk dan pembangunan yang dilaksanakan untuk menghasilkan prototaip model, perkakasan, modul, kerangka, produk, taksonomi dan alatan pengajaran.⁵⁴ Dalam konteks kajian ini, penghasilan prototaip model akan dihasilkan. Pada fasa ini, terdapat pelbagai kaedah dan metodologi penyelidikan yang boleh diaplikasikan bersesuaian dengan

⁵³ Ramlan Mustapha & Ghazali Darusalam, *Pendekatan Reka Bentuk dan Pembangunan dalam Penyelidikan Kontemporari* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2022), 15.

⁵⁴ *Ibid.*, 31.

keperluan kajian penyelidik. Antara metodologi yang boleh dilaksanakan adalah kaedah Fuzzy Delphi (FD). Teknik Fuzzy Delphi merupakan gabungan teknik Delphi klasik dengan set penomboran *fuzzy* (*Fuzzy set theory*). Teknik Delphi merupakan satu kaedah yang melibatkan pandangan sekumpulan pakar yang mempunyai kemahiran dan kriteria yang bersesuaian dengan bidang kajian. Hasil dapatan kajian fasa pertama boleh digunakan untuk membina prototaip model pada fasa kedua ini. Selain itu, pakar dalam aspek kualiti bahasa, kandungan dan psikometrik diperlukan bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan model. Kemudian, proses pembangunan model diteruskan dengan mengambil kira persetujuan bersama antara pakar-pakar pilihan yang bersesuaian dengan konteks kajian.

Akhir sekali adalah fasa ketiga iaitu fasa penilaian. Fasa ketiga merupakan langkah terakhir bagi pendekatan reka bentuk dan pembangunan penyelidikan iaitu proses menilai kebolehgunaan model yang ingin dibangunkan agar memenuhi kriteria model yang diperlukan serta memberi manfaat yang maksimum kepada pengguna. Bagi mencapai objektif kajian, kaedah Teknik Kumpulan Nominal Ubahsuaian (*Modified Nominal Group Technique*) (MNGT) digunakan bagi mendapatkan pandangan pakar yang terdiri daripada pemegang taruh atau pihak berkepentingan dan juga ahli akademik yang berkaitan dengan aspek kajian atau pengurusan ketagihan pornografi, psikospiritual Islam dan pembangunan model. Pandangan pakar ini bagi menilai kebolehgunaan model yang telah direka bentuk dan dibangunkan pada fasa kedua. Teknik MNGT merupakan teknik temu bual secara bersemuka dalam kumpulan yang kecil dan panel pakar

bebas untuk menyatakan pendapat dan pandangan masing-masing sama ada secara lisan mahupun bertulis.⁵⁵

Dalam konteks penulisan makalah ini, perbincangan hanya memfokuskan kepada daptatan temu bual kumpulan berfokus peringkat awal pada fasa pertama (analisis keperluan). Makalah ini hanya mengambil kira perkongsian daripada tiga orang informan yang terlibat dalam temu bual peringkat awal dan masing-masingnya mewakili Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Persatuan Psikospiritual Islam (IPSA) dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan. Ketiga-tiga agensi berkepentingan ini secara umumnya mempunyai pengalaman secara langsung bersama individu yang mengalami ketagihan pornografi, ibu bapa dan masyarakat. Pemilihan ketiga-tiga informan ini berdasarkan persampelan bertujuan.

Tambahan daripada itu, dalam konteks kajian kualitatif pada analisis keperluan ini, bilangan informan bukanlah suatu isu yang makro. Menurut pakar-pakar kajian kualitatif bahawa selagimana informan yang dipilih menepati kriteria yang telah ditetapkan dan maklumat yang kaya diperolehi daripadanya mampu menyumbang kepada pemahaman yang mendalam terhadap suatu fenomena atau kes yang dikaji, maka informan tersebut sudah cukup untuk dijadikan sampel walaupun bilangannya sedikit.⁵⁶ Perkara ini juga bersesuaian dengan tujuan utama penulisan makalah ini iaitu membincangkan daptatan awal (*preliminary*) daripada informan temu bual berfokus bagi mengenal pasti keperluan pembangunan model intervensi kawalan ketagihan pornografi berdasarkan

⁵⁵ Machphail, A., “Nominal Group Technique: A Useful Method for Working with Young People,” *British Educational Research Journal* 27 (2001), 161-170.

⁵⁶ John W. Creswell, *30 Essential Skills for the Qualitative Researcher* (t.p. Sage Publications, 2016); Sharan B. Merriam & Elizabeth J. Tisdell, *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation* (t.p. Jossey-Bass: A Wiley Brand, 2016)

pendekatan psikospiritual Islam. Selain itu, dapatan awal temu bual berfokus ini bagi mengukuhkan lagi dapatan analisis literatur yang telah dibincangkan dalam topik piskospiritual Islam sebelum ini.

Dari sudut pelaksanaan pula, temu bual telah dijalankan secara dalam talian menggunakan Google Meet dan transkrip verbatim telah disediakan berdasarkan rakaman audio. Tiga tema utama telah dibentuk hasil daripada analisis tematik. Ketiga-tiga tema ini merupakan data awal temu bual kumpulan berfokus dalam fasa analisis keperluan.

Tema Pertama: Fitrah Manusia Beragama

Dapatan kajian mendapati majoriti informan berpendapat bahawa fitrah beragama seseorang merupakan antara faktor utama pelaku ingin berubah ke arah lebih baik dan meninggalkan ketagihan pornografi yang dialami. Manusia dan agama tidak dapat dipisahkan dalam segenap kehidupan. Apabila manusia melakukan sesuatu kesalahan atau pun dosa, akhirnya manusia akan mencari agama untuk bertaubat dan menyesali perbuatan yang telah dilakukan walaupun berulang-ulang kali. Jika seseorang manusia dipisahkan dengan agamanya akan berlaku kucakar-kacir kehidupannya. Ia seperti yang dinyatakan oleh informan 1 dan 2 berikut:

“Kalau ikut kajian saya, ibu bapa mahupun remaja atau kanak-kanak, memang mereka nak agama... paling tidak mereka nak agama itu dalam jiwa agama itu dalam hidup mereka, dan ibu bapa kalau setakat yang saya tanya ibu bapa ini semua memang mementingkan segala nasihat dibuat daripada awal dengan memberi pendidikan agama... mereka hendakkan jiwa agama, mereka bersetuju bahawa sembahyang, puasa semua itu mesti merupakan asas yang kukuh sebab mudah nak balik kalau terjerumus...” (Informan 1)

“... Dia bukan sebab kantoi, manusia ni secara psikologinya, once you buat dosa, you gelisah kan. Kita pun macam sembahyang lambat ke, tinggal sembahyang ke... Itu secara psikologi manusia, kau buat salah je, kau akan guilty tau. So benda itu menghantui di sepanjang kehidupan dia, jadi dia kata "Aku kena berubah" kena something lah...” (Informan 2)

Oleh itu, bagi menangani isu ketagihan pornografi, pendekatan psikospiritual Islam perlu dihayati oleh umat Islam bagi memenuhi fitrah manusia beragama.

Tema Kedua: Pendidikan Seksual yang Tabu di Malaysia

Pendidikan seksual di Malaysia masih menjadi perbualan hangat dalam kalangan guru, ibu bapa dan masyarakat. Sehingga kini, masih wujud golongan ibu bapa yang masih berfikiran pendidikan seksual adalah tabu kerana dianggap sebagai bahan pornografi terlarang. Walau bagaimanapun, dapatan awal temu bual mendapati pendidikan seksual berasaskan psikospiritual Islam yang betul sememangnya perlu diterapkan kepada anak-anak ketika mereka masih di peringkat awal usia. Pendidikan seksual yang masih dianggap tabu telah mengakibatkan masyarakat pada masa kini kurang pengetahuan dan ilmu pendidikan seksual yang betul. Akibatnya, apabila disebut pendidikan seksual, perkataan ‘seks’ yang timbul dahulu di dalam fikiran remaja. Lebih merisaukan apabila remaja melakukan pencarian sendiri tentang pendidikan seksual di saluran yang tidak berautoriti sehingga terpamer info-info mahupun gambar dan video lucah yang tidak sepatutnya dilihat dan diketahui.

“Sebab itu kalau parents sekarang, kadang-kadang yang jenis tradisional ini dia agak sangat bahaya kalau anak bertanya dia tak jawab sebab kita risau..., baik kena mak bapa menjawab daripada dia mencari dalam telefon

ke, dalam apa-apa gajet lah. Sebab kalau dia taip kat situ, bukan artikel sahaja yang keluar, kalau dia tekan imej, ha lagi naya, lagi macam-macam gambar dia keluar dekat situ...zaman sekarang ini adalah zaman global yang macam kita ini, mak bapa memang kena cakna benda ini, kalau anak bertanya tentang pendidikan seksual, kadang-kadang dia tanya benda simple je, benda-benda yang kita rasa trigger, macam segan kita nak terang, macam tu kan. Tapi secara tak langsung bila dia bertanya, kita boleh bagitahu dia do and don't's sebenarnya. Apa yang boleh, dan apa yang tak boleh. Kalau kita tengok dalam kitab Tarbiatul Aulad sekalipun, memang dekat situ dah digariskan apa benda yang mak bapa perlu buat, dan apa benda yang mak bapa tak boleh buat...” (Informan 2)

“...Bagi saya, pendidikan seksual itu tidaklah membawa kepada faktor murid-murid ini mencari lebih berkenaan dengan maklumat pornografi. Tapi bagi saya perkara asas adalah sejauh mana murid-murid itu mempunyai ataupun diberi pendedahan tentang pengetahuan agama Islam. Itulah bagi saya dan yang kedua adalah sejauh mana mak ayah ni mendidik ataupun mengajar anak-anak untuk hidup dengan cara Islam yang sebenar. Jadi tak ada masalah pendidikan seksual tu kalau sekiranya mereka ada pengetahuan agama Islam. Apa yang boleh mereka buat, apa yang tak boleh mereka buat, diorang dah ada pengetahuan, mereka tahu apa yang patut, apa yang tak patut dan pendidikan seksual itu sendiri adalah bukan untuk merangsang mereka untuk membuat perkara yang tak elok

kan. Tapi bila adanya keutamaan untuk mereka murid-murid ini untuk mempelajari ataupun mendapat pendedahan, pengetahuan agama Islam, jadi pendidikan seksual tu tak ada pun menjadi satu masalah untuk dipelajari...”
(Informan 3)

Justeru, pendidikan seksual berasaskan elemen psikospiritual Islam kepada kanak-kanak merupakan gabungan pembelajaran alternatif yang berpotensi sebagai wadah pendedahan ilmu dan pengetahuan seksual, sekaligus mencegah kanak-kanak daripada terjebak dengan ketagihan pronografi.

Tema Ketiga: Limitasi Undang-Undang dalam Mengkekang Penularan Ketagihan Pornografi

Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 adalah salah satu undang-undang di Malaysia yang membanteras keras sebarang aktiviti pornografi terhadap kanak-kanak termasuk penyebaran gambar-gambar luah kanak-kanak, pornografi dalam bentuk visul, audio, bertulis dan gabungan bentuk visual, audio atau bertulis. Selain itu, undang-undang keselamatan siber juga turut diperkasakan bagi membanteras ancaman siber termasuk pornografi di era teknologi ini. Walau bagaimanapun, undang-undang khas berkaitan pornografi masih banyak kelompangkan sehingga laman-laman sesawang pornografi masih giat aktif dari hari ke hari.

“...baru-baru ini, dia lebih kepada undang-undang cyber security, keselamatan siber, Isu keselamatan siber, itu pun masih lagi ada banyak lompongnya.... Pornografi itu merupakan salah satu daripada isu cyber yang sangat luas dalam bidang teknologi maklumat, dalam bidang sains komputer ya....Jadi undang-undang ni memang kalau ikutkan memang ada dan syarikat telekomunikasi antarabangsa dan kalau macam UNICEF dan

sebagainya ini dia memang ada juga berikan guidelines, panduan-panduan macam mana kita nak menghadapi tentang isu cyber security ni terutamanya kepada kanak-kanak dan juga kepada orang dewasa sebab sekarang terlampau banyak scammer dan sebagainya. Dan itu juga boleh diambil sebagai panduan. Jadi negara kita ni bukan tak ada undang-undang, Ada, Bukan tak ada undang-undang, tapi untuk memperkuat dan memperkasakan tu memang memerlukan satu jawatankuasa yang betul-betul...sebab internet ini, dia punya prinsip, dia mesti bebas, jadi kita tak boleh nak sekat orang...” (Informan 1)

“... Tapi masalahnya syarikat-syarikat pornografi ini dan juga mereka yang berkecimpung dalam industri pornografi ini, mereka ini sangat-sangat kreatif, contoh kita taip seks kan seksual contohnya, memang akan keluar semua benda berkaitan seksual tapi ada juga perkataan-perkataan yang mereka gabung-gabungkan supaya tak dapat di-trace oleh filter-filter oleh server-server yang ada filter. Maknanya penapis-penapis pada server kita contohnya di pejabat dan sebagainya ini, setengah-setengah laman pornografi itu masih boleh lalu, jadi mereka ini sangat kreatif. Jadi undang-undang tu memang perlu ada kalau macam ni...” (Informan 1)

“...Kemudian kalau cerita tentang undang-undang, saya suka, saya sangat gembira dan saya rasa mungkin satu kegembiraan untuk orang-orang yang macam kita ini berjuang supaya benda-benda ini dikurangkan dan akhirnya tak ada ini, kalaularah dapat pihak MCMC tu maksud kata filter terus, maksudnya

kalau rakyat Malaysia Google benda tu memang tak jumpa. Saya sangat-sangat berdoa suatu hari nanti, dasar Kerajaan kita ke arah itu, maksudnya bersih lah walaupun bersih macam mana pun kita faham dia akan tercincir juga, dia akan ada juga benda-benda itu kan tapi sekurang-kurangnya usaha kita itu ada...saya setuju supaya ada satu undang-undang yang orang kata menyekat dan orang gerun kalau kau buat, memang nahas lah engkau kan, itu satu. So dia yang keduanya itu lah harapan saya sebab kita pegawai kerajaan kan, memang doa supaya negara kita adalah usaha untuk menutup bukan setakat filter, menutup benda-benda yang tak sepatutnya orang Google dan jumpa...” (Informan 2)

“... Kalau ada undang-undang, kalau boleh, benda itu saya sangat bersetuju lah, sebab kita nampak effect dia, kesan dia terhadap murid tu sendiri. Jadi perlu sangat kalau ada kan...” (Informan 3)

Oleh itu, ibu bapa, guru-guru, rakan sebaya dan masyarakat mempunyai peranan penting dalam mempraktikkan amalan dan terapi psikospiritual Islam bagi membantu mangsa ketagihan pornografi dalam memperbaiki diri untuk sembuh daripada ketagihan. Persekuturan mangsa ketagihan pornografi memainkan peranan yang sangat penting dalam proses penyembuhan kerana jika mangsa masih dikelilingi dengan persekitaran yang negatif, proses perubahan akan lebih sukar dan berpotensi ke kancang kemaksiatan semula.

Kesimpulan

Pendekatan terapi psikospiritual Islam merupakan alternatif preventif sebagai solusi untuk menangani permasalahan fizikal, mental mahupun rohani dan telah

diakui manfaatnya. Psikospiritual Islam juga semakin mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik jika dilihat melalui peningkatan trend kajian berkenaan psikospiritual Islam yang telah dilakukan dalam lima tahun terkini iaitu 2018 sehingga 2022. Jika dilihat kajian-kajian lepas berkenaan psikospiritual Islam, ia lebih tertumpu kepada rawatan masalah sosial seperti permasalahan ketagihan dadah, penyakit kemurungan dan juga buli siber.

Rawatan bagi isu ketagihan pornografi dan juga masalah seksual masih kurang mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik. Sedangkan, isu ketagihan pornografi berupaya mendorong mangsa terlibat dengan penyakit mental akibat tidak dapat menahan diri daripada berterusan melakukan perbuatan yang berunsurkan lucah sehingga hilang akal pemikiran mereka yang waras. Oleh itu, terapi psikospiritual Islam berupaya menjadi salah satu rawatan alternatif untuk membanteras penyakit ketagihan pornografi. Justeru itu, pembangunan model intervensi kawalan ketagihan pornografi berasaskan pendekatan psikospiritual Islam dikira perlu sebagai sebuah model yang bersifat komprehensif dan holistik bagi menangani isu ini daripada kian membarah.

Penghargaan

Penulis mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia atas pembiayaan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2021/SS10/UM/02/5) Universiti Malaya bagi merealisasikan kajian ini.

Rujukan

- Abu Talib Muhammad, ‘Ali Al-Makki. *Qut al-Qulub fi Mu‘amalat al-Mahbub wa Wasf Tariq al-Murid ila Maqam al-Tawhid*. Beirut: Dar al-Kutub, 1997.
- Ahmad, Zaruq. *Qawa‘id al-Tasawwuf*. Kaherah: Matba‘ah Misr, 1318.
- Amirul Ashraaf Norman & Nooraini Othman. “Ketagihan Pornografi dalam Kalangan Remaja: Faktor dan

- Implikasi Terhadap Sahsiah Diri Remaja,” *Jurnal Melayu* 19(2) (2020): 205-215.
- Annisarizki. “Makna Tinder sebagai Tempat Mendapatkan Teman Hidup.” *LONTAR: Jurnal Ilmu Komunikasi* 6(1) (2018): 1-18.
- Azimah, Soebagijo. *Pornografi: Dilarang tapi Dicari*, ed. Harlis Kurniawan. Jakarta: Gema Insani, 2008.
- Azlisham Abdul Aziz, Mohd Nor Mamat, Daud Mohamed Salleh, Syarifah Fadylawaty Syed Abdullah & Mohd Norazmi bin Nordin. “Analysis of Literature Review on Spiritual Concepts according to the Perspectives of the al-Quran, Hadith and Islamic Scholars.” *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education* 12(9) (2021): 3252-3159.
- Che Zarrina Sa’ari. “Psikospiritual Islam: Konsep dan Aplikasi.” *Journal of Syarie Counseling* 1(1) (2019): 43-51.
- Che Zarrina Sa’ari & Joni Tamkin Borhan. “Relationship between Sufism and Islamic Psychospirituality.” *Horizons of Spiritual Psychology*, eds. Akbar Husain et al. Kuala Lumpur, Malaysia: Global Vision Publishing House, 2008: 177-198.
- Creswell, John W. *30 Essential Skills for the Qualitative Researcher*. SAGE Publications, 2016.
- Dedi, Andriansyah, Puspitawati, Supsiлоani, OK Dedy Arwansyah & Bangun Karina. “Penyebaran Pornografi Pada Pengguna Telegram di Kota Medan.” *Buddayah: Jurnal Pendidikan Antropologi* 3(2) (2021): 73-80.
- H. Imam Kanafi. *Ilmu Tasawuf: Penguatan Mental-Spiritual dan Akhlak*, ed. Moh. Nasrudin. Indonesia: PT. Nasya Expanding Management, 2020.
- Fatin Hafizah Mohd Shahar. “Ketagihan Pornografi Rosakkan Otak.” *Berita Harian*. 31 Mac 2018.
- Galih Haidar & Nurliana Cipta Apsari. “Pornografi pada Kalangan Remaja.” *Prosiding Penelitian & Pengabdian kepada Masyarakat* 7(1) (2020): 136-143.

- Harmi, Tursih, Dwiparwati Tanti & Arsyadi Sidik. “Mirror Neuron dalam Pendidikan Islam.” *BELAJEA: Jurnal Pendidikan Islam* 3(2) (2018): 142-152.
- Hendri Fitrian, Linda Suwarni & Andri Dwi Hernawan. “Determinan Perilaku Seks Pranikah Remaja di Kota Pontianak Tahun 2019.” *Jurnal Vokasi Kesehatan* 6(2) (2019): 107-114.
- Herbenick, Debby, Tsung Chieh Fu, Paul Wright, Bryant Paul, Ronna Gradus, Jill Bauer & Rashida Jones. “Diverse Sexual Behaviors and Pornography Use: Findings from a Nationally Representative Probability Survey of Americans Aged 18 to 60 Years.” *The Journal of Sexual Medicine* 17 (2020): 623-633.
- Nasir, Muhammad Husein. *Al-Qatr al-Ghaithiyah*. Patani: Matba‘ah bin Halabi, t.t.: 3-5.
- Iram Barida Maisya & Siti Masitoh. “Derajat Keterpaparan Konten Pornografi pada Siswa SMP dan SMA di DKI Jakarta dan Banten Indonesia.” *Jurnal Kesehatan Reproduksi* 10(2) (2019): 117-126.
- Ishak Khairon, Kamarul Azmi Jasmi, Mohamad Khairul Latif, Muhammad Yusof Hakimi & Mohd Norazmi bin Nordin. “Thrust of Faith and Manifestations to Faith according to the Quran and Hadith: A Study of Context Analysis.” *Palarch’s Journal of Archaeology of Egypt / Egyptology* 18(4) (2021): 295-314.
- Juditha, Christiany. “Isu Pornografi dan Penyebarannya di Twitter (Kasus Video Asusila Mirip Artis).” *Jurnal Penelitian Komunikasi dan Opini Publik* 25(1) (2021): 15-30.
- Khairani Alvira Winata, Taty Fauzi & Endang Surtiyoni. “Model Bimbingan Konseling Berbasis E-Modul: Upaya Preventif terhadap Perilaku Pornografi Siswa Mts Negeri 1 Muratara.” *Jurnal Bimbingan dan Konseling* 8(1) (2022): 16-25.

- Louisa Yesami, Krisnalita & Sisi Rahayu. “Analisis Yuridis Mengenai Tindak Pidana Pornografi secara Berlanjut.” *Justice Voice* 1(2) (2022): 71-80.
- M. Saiful Amri Zainal Abidin, M. Zohdi M. Amin, Abdulloh Salaeh, W. Fatimah Zahra’ W. Yusoff & Salmah Fa’atin. “The Practice of Islamic Psychospiritual Therapy in the Treatment of Drug Addiction at Rehabilitation Centres in Malaysia.” *Afkar: Jurnal Aqidah & Pemikiran Islam* 24(2) (2022): 143-168.
- Machphail, A. “Nominal Group Technique: A Useful Method for Working with Young People.” *British Educational Research Journal* 27 (2001): 161-170.
- Merriam, Sharan B. & Elizabeth J. Tisdell. *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. Jossey-Bass: A Wiley Brand, 2016.
- Mohd Uzir, Mahidin. *Press Release: ICT Use and Access by Individuals and Households Survey Report 2020*. Kuala Lumpur: Department of Statistics Malaysia, 2020.
- Muhammad Afham, Ramli. “Suka Sama Suka Punca Jadi Mangsa Rogol.” *Sinar Harian*. 21 Mac 2021 <https://www.sinarharian.com.my/article/129786/berita/semasa/suka-sama-suka-punca-jadi-mangsa-rogol>.
- Muhammad Mahmud. *‘Ilm al-Nafs al-Ma’asir fi Daw’i al-Islam*. Jeddah: Dar al-Shuruq, 1984.
- Nor Azah Abdul Aziz. “Internet, Laman Web Pornografi dan Kaedah Psikospiritual Islam dalam Menangani Keruntuhan Akhlak Remaja Pelayar Laman Web Pornografi.” *Jurnal Usuluddin* 29 (2009): 147-169.
- Nor Ezdianie, O. & Mohd Tajudin, N. “Teori Kaunseling Psiko-Spiritual al-Ghazali: Suatu Pendekatan Alternatif dalam Intervensi Kaunseling.” *Global Journal Al-Thaqafah* 9(3) (2019): 69-77.

- Norhafizah Musa & Che Zarrina Sa'ari. "Pendekatan Psikoterapi Islam dalam Menguruskan Tekanan Pesakit Kronik." *Jurnal Usuluddin* 47(1) (2019): 1-34.
- Norhashimah Yahya, Syed Hadzrullathfi Syed Omar, Siti Hajar Mohamad Yusoff, Mohd Sani Ismail, Aman Daima Md. Zain & Muhammad Hafizi Rozali. "Elemen Kesufian menurut al-Muhasibi dan Hubungannya dengan Psikospiritual dalam Menangani Tekanan Akibat Pandemik Covid 19." *Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE)* 1(3) (2021): 186-192.
- Norulhuda, Sarnon @ Kusenin, Mohd Sharif Nur Hamizah, Mohd Mokhtar Daniella Maryam, Zakaria Siti Marziah & Zakaria Ezarina. ""Tahu Salah Tapi Mahu": Cabaran Remaja Perempuan Berhenti Menonton Pornografi." *Jurnal Psikologi Malaysia* 34(2) (2020): 227-239.
- Nur Qamarina, Rahman & Abdullah @ Mohd Nor Hilwa. "Ketagihan Telefon Pintar dan Ketergantungan Pornografi Terhadap Kesihatan Mental dalam Kalangan Mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia." *Jurnal Wacana Sarjana* 5(1) (2021): 1-9.
- Nur Shahidah Paad, Syed Muhsin Sharifah Basirah & Mohd Syukri Zainal Abidin. "Implementasi Psikospiritual Islam dalam Pembentukan Model Motivasi Pembangunan Diri Remaja." *Afkār: Jurnal Aqidah & Pemikiran Islam* 23(2) (2021): 405-444.
- Nurul Nadira Shaari. "Polis lumpuhkan sindiket DVD lucah, cetak rompak." *Berita Harian*. 17 Mei 2017, diakses pada 20 April 2023. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/11/2017/03/261169/polis-lumpuhkan-sindiket-dvd-lucah-cetak-rompak>.
- Parlimen Malaysia. "Rang Undang-Undang Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017." Kementerian Pembangunan Wanita, 2017.

<https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Akta/BILL%20RUU%20KESALAHAN%20SEKSUAL%20KANAK-KANAK%202017.pdf>.

Pezzutto, Sophie. “From Porn Performer to Pornpreneur: Online Entrepreneurship, Social Media Branding and Selfhood in Contemporary Trans Pornography.” *International Journal of Gender Studies* 8(16) (2019): 30-60.

Ramlan Mustapha & Ghazali Darusalam. *Pendekatan Reka Bentuk dan Pembangunan dalam Penyelidikan Kontemporari*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2022.

Richey, R. C, J. D Klien & W. Nielson. “Development Research: Studies of Instructional Design and Development.” *Handbook of Research for Educational Communications and Technology*, ed. Jonassen. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates Publishers, 2004: 1099-1130.

Satnyoto, Andartu. “Justifikasi Intervensi Internasional dalam Konflik Suatu Negara.” *Jurnal Asia Pacific Studies* 2(1) (2017): 209-219.

Selfi Budi, Helpiastuti. “Media Sosial dan Perempuan: Analisis Wacana terhadap Facebook Sebagai Media Komunikasi Terkini Bagi Perempuan.” *Prosiding Seminar Nasional Gender dan Budaya Madura III*. (Indonesia: Repository Universitas Jember, 2017): 1-11.

Sharifah Basirah Syed Mohsin, Che Zarrina Sa’ari, Hasimah Chik & Sheriza Izwa Zainuddin. “*Muhasabah al-Nafs (Self Reflection)* dalam Menangani Keresahan Spiritual (*Spiritual Distress*).” *Jurnal Usuluddin* 50(1) (2022): 43-72.

Shefa Dwijayanti, Ramadani & Hanna Ina Daril. “Internet dan Perilaku Seksual Remaja Pesisir Madura: Studi Cross Sectional di Desa Branta.” *Dinamika Sosial Budaya* 21(2) (2019): 91-97.

- Shofiyah. "Dampak Media Sosial dan Pornografi Terhadap Perilaku Seks Bebas Anak di Bawah Umur." *Alamtara: Jurnal Komunikasi dan Penyiaran Islam* 4(1) (2020): 57-68.
- Siti Ezaleila, Mustafa & Hamzah Azizah. "Media Baharu yang Baharu: Trend Penggunaan Jaringan Sosial Dalam Kalangan Pengguran di Malaysia." *Jurnal Pengajian Media Malaysia* 13(2) (2011): 93-110.
- Siti Khadijah Kaimin. "Konsep Intervensi dalam Pendidikan Islam." Dalam *Integrasi Konsep dalam Pendidikan Islam* (t.p: Santai Ilmu Publication, t.t.): 33-63.
- Siti Nur Aafifah Hashim, & Wan Norhaniza Wan Hasan. "Aplikasi Kaedah Pengurusan Kesihatan Mental Psikospiritual Islam Untuk Sokongan Talian Berpusat Masjid." *Jurnal Sains Sosial* 7(1) (2022): 30-39.
- Stake, Robert E.. *Standards-Based Responsive Evaluation*. United States of America: Sage Publications, 2004.
- Syamim Zakwan Rosman, Siti Rashidah Abd Razak, Siti Zaleha Ibrahim & Noraini Mohamad. "Terapi Taubat dalam Menangani Kesan Kesihatan Mental Covid-19." *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 9(1) (2022): 76-85.
- Thanuseeyah Varatharajoo & Abdullah @ Mohd Nor Hilwa. "Hubungan antara Ketagihan Pornografi dan Jenis Trait Personaliti dalam Kalangan Remaja." *Jurnal Wacana Sarjana* 4(2) (2020): 1-9.
- Ummul Maisarah Mohd Ariffin, Najihah Abd Wahid, Anas Mohd Yunus, Zurita Mohd Yusoff, and Mohd Rahim Ariffin. "Perspektif Islam terhadap Rehabilitasi Bunuh Diri." *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education* 2(3) (2022): 1-12.
- Wang, Shuaishuai & Runze Ding. ""Business Inquiries are Welcome": Sex Influencers and the Platformization of

Ayu Nadhirah et al., “Pembangunan Model Intervensi Kawalan Ketagihan Pornografi,” *Afkār* Vol. 25 No. 1 (2023): 253-290

Non-Normative Media on Twitter.” *Television and New Media* 23(8) (2022): 822-839.

Zuraidah Abdullah, Che Zarrina Sa’ari & Lee Wei Chang. “Transgenderisme di Malaysia: Pelan Bimbingan Kembali Kepada Fitrah dari Perspektif Psikospiritual Islam.” *Afkar: Jurnal Aqidah & Pemikiran Islam* 20(2) (2018): 279-322.